

KEISTIMEWAAN BULAN RAMADHAN DALAM ISLAM *THE SIGNIFICANCE OF RAMADHAN IN ISLAM*

Satu ceramah khas sempena bulan Ramadhan yang mulia ini telah diadakan di ibu pejabat Nexus, Kompleks Annajat pada hari Jumaat, 16 April yang dihadiri oleh kakitangan dan rakan sekerja Nexus. Hadir bagi menyampaikan ceramah bertajuk 'Keistimewaan Bulan Ramadhan dalam Islam' ialah Dr Harapandi Amaq Hairani, Pengarah Pusat Pengkajian dan Penyelidikan Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Intipati ceramah termasuk tingkat-tingkat amalan ketika berpuasa dan ciri-ciri keistimewaan bulan Ramadhan. Ceramah berakhir dengan sesi soal jawab.



Dr Harapandi Amaq Hairani



A special talk in conjunction with this holy month of Ramadhan was held at the Nexus headquarters, Annajat Complex on Friday, 16 April attended by Nexus staff and associates. The talk entitled 'The Significance of the Month of Ramadhan in Islam' was delivered by Dr Harapandi Amaq Hairani, Director of the Center for Jawi and Kitab Turath Studies and Research, Seri Begawan Teachers University College (KUPU SB). The essence of the talk includes fasting and the three levels of commitment as well as understanding the special features of Ramadhan. The talk ended with a question-and-answer session.



Kakitangan dan rakan sekerja yang menghadiri ceramah | Staff and associates attending the talk

PRINSIP TASAWUF DALAM KERANGKA AHLI SUNAH WALJAMA'AH

THE PRINCIPLE OF TASAWUF IN THE CONTEXT OF AHLI SUNAH WALJAMA'AH



Ustaz Hilman bin Haji Salim

Prinsip Tasawuf dalam kerangka Ahli Sunah Waljama'ah telah disampaikan oleh Ustaz Hilman Hj Salim, Pengarah Pusat Kajian Fiqh al-Ushrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam satu ceramah yang diadakan di ibu pejabat Nexus pada hari Selasa, 20 April. Ceramah merupakan sebahagian dari beberapa siri ceramah yang dikendalikan sepanjang bulan Ramadhan bagi kakitangan dan rakan sekerja Nexus.

The principle of Tasawuf or the process of realising ethical and spiritual ideas was presented by Ustaz Hilman Hj Salim, Director of Centre for Fiqh al-Ushrah Studies, Seri Begawan Teachers University College in a talk held at Nexus Headquarters on Tuesday, 20 April. The presentation was part of a series of religious talks conducted throughout the month of Ramadhan for Nexus staff and associates.



Kakitangan dan rakan sekerja Nexus yang menghadiri ceramah tersebut | *Staff and associates attending the talk*



Adri Hj Mohd Arshad menyampaikan cenderahati kepada Ustaz Hilman
Adri Hj Mohd Arshad presenting token of appreciation to Ustaz Hilman

KURSUS MENGHALUSI IBADAH SOLAT *A COURSE ON REFINING PRAYER*

Satu kursus menghalusi ibadah solat diadakan di Nexus pada hari Rabu, 21 April. Berkongsi ilmu dalam kursus berkenaan ialah Ustaz Hj Abd Rahman bin Haji Ajak dari Pusat Ilmu dan Tarbiyah Al-Minhaaj dan dihadiri oleh hampir 30 peserta.

A course on refining prayer was conducted at Nexus on Wednesday, 21 April. On hand to share the knowledge was Ustaz Hj Abd Rahman bin Haji Ajak from Al-Minhaaj Centre for Knowledge and Tarbiyah. It was attended by nearly 30 participants.



Ustaz Hj Abd Rahman ketika mengendalikan kursus
Ustaz Hj Abd Rahman while conducting the course



Ahli pengurusan Nexus yang mengikuti kursus
Nexus management attending the course



Kakitangan dan rakan sekerja Nexus yang menghadiri ceramah tersebut | *Staff and associates attending the talk*

PDC TEMUI MAKAN CERIA DAN PDS *THE PDCs MEET MAKAN CERIA AND PDS*



Wakli-wakil PDC dan Makan Ceria | *The PDCs representatives and Makan Ceria*

Pertemuan dengan industri diteruskan minggu ini dengan perjumpaan dan perbincangan dengan Makan Ceria, pengendali McDonald's Brunei. Wakil dari ketiga-tiga PDC yang diketuai oleh Hajah Norfaezah Hj Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif Evolve Me mengadakan perbincangan dengan Pengurus Am Makan Ceria, Mohd Al-Fatah bin Haji Seruji untuk meneroka peluang baru bagi rakan-rakan sekerja.

The industry engagement continued this week with a meeting and discussion with Makan Ceria, the operator for McDonald's Brunei. Representatives from all the three PDCs led by Hajah Norfaezah Hj Ibrahim, CEO of Evolve Me held the discussion with the General Manager of Makan Ceria, Mohd Al-Fatah bin Haji Seruji to explore new opportunities for our associates.



Wakli-wakil PDC dan PDS | *The PDCs representatives and PDS*

Pada hari Khamis, 22 April satu perjumpaan telah diadakan dengan Pengurus Am PDS, Haji Muhammad Sabirin bin Othman juga bertujuan untuk menerokai peluang-peluang bagi rakan sekerja kita.

The PDCs on Thursday, 22 April held a meeting with PDS's General Manager, Haji Muhammad Sabirin bin Othman also intended to find out opportunities for our associates.

PERSIAPAN NEXUS BAGI PROJEK AMAL MAHABBAH RAMADHAN NEXUS PREPARES FOR MAHABBAH RAMADHAN CHARITY PROJECT

Mahabbah Ramadhan, projek amal yang dimulakan beberapa tahun lalu di TelBru akan diteruskan tahun ini dengan memberi tumpuan kepada ahli keluarga bekas kakitangan Nexus/TelBru dan beberapa keluarga yang memerlukan. Penyampaian sumbangan dari syarikat dan kakitangan akan dijalankan pada awal Mei ini sebelum menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Bungkuskan makanan Hari Raya sedang disediakan untuk diagihkan kepada para penerima yang terpilih.

Mahabbah Ramadhan, a charity project initiated several years ago at TelBru will continue this year focusing on family members of former Nexus/TelBru staff and underprivileged families nearby. The presentation of company and staff donations will be carried out in early May in time for Hari Raya celebrations. Hari Raya hampers are being prepared for distribution to the selected recipients.

Kakitangan sedang menyediakan bungkuskan Hari Raya
The staff preparing the Hari Raya hampers



JUALAN BARANG TERPAKAI AIDILFITRI MENDAPAT SAMBUTAN PRE-LOVED AIDILFITRI SALE RECEIVES ENCOURAGING RESPONSE



Sebagai persediaan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri, Nexus Outlet Fashion pada hari Rabu, 22 April telah menganjurkan jualan barang terpakai Aidilfitri di Kompleks Annajat. Barang-barang jualan termasuk pakaian terpakai dan barangan dapur. Jualan yang bermula jam 9.00 pagi itu mendapat sambutan mengalakkan dari kakitangan dan rakan sekerja.

In preparation for the upcoming Hari Raya Aidilfitri, Nexus Outlet Fashion on Wednesday, 22 April organized a Pre-loved Aidilfitri sale at Annajat Complex. Items on sale included used clothing and household kitchen products. The event which started at 9.00am received an encouraging response from staff and associates.

PERTANDINGAN FOTOGRAFI

TEMA "SUASANA BAZAR RAMADHAN & HARI RAYA ADELFITRI"

TARIKH AKHIR PENGANTARAN:
25 MEI 2021

Jika berminat, sila isi borang yang dilampirkan diatas dan email kepada azmi.bakar@nexus.com.bn

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mohamad Azmi Bin Bakar (+673 733 8665)

Pg. Abd. Wafi Bin Pg. Azahari (+673 860 9897)

Nur Wasimah Binti Haji Jaidi (+673 823 9109)



Syarat-syarat Pertandingan

- Penyertaan dibukakan kepada kakitangan dan rakan sekerja Nexus
- Gambar yang dihantar untuk dipertandingkan hendaklah dicetak berukuran 8 x 12 berserta dengan 'border mounting' berwarna hitam
- Setiap peserta **MISTILAH**:
 - memberikan 'soft-copy' kepada penganjur sebelum tarikh tutup penyertaan.
 - Memberikan tajuk dan komposisi (keterangan) gambar.
- Gambar-gambar hendaklah dihasilkan dari kamera digital atau telefon bimbit dan **MESTILAH** dari hasil karya asli peserta.
- Gambar-gambar penyertaan hendaklah mengikut tema yang tersebut diatas
- Setiap peserta boleh menghantar **TIDAK** lebih dari 3 gambar sahaja.
- Gambar-gambar **MESTILAH** mengandungi identiti atau ciri-ciri Nex.Us Sdn Bhd
- Pihak Nex.Us berhak menggunakan gambar-gambar penyertaan untuk apa-apa tujuan dimasa akan datang.
- Keputusan hakim adalah muktamad

Bersedekah untuk

Mahabbah Ramadhan 1442 H

"Tidak akan dikurangi harta dengan sebab bersedekah"

- ★ Kepada ahli keluarga mantan pegawai dan kakitangan TelBru/Nexus yang telah kembali ke Rahmatullah dan penerima-penerima bantuan kebajikan
- ★ Sumbangan berupa wang ringgit atau berbentuk barang makanan asasi

Kutipan barangan derma akan berakhir pada hari
Selasa, 27hb April 2021

Sumbangan boleh diserahkan kepada
Hajah Sarimah Binti A.Haji Tuah, HR
Maslinah Binti Haji Abdul Manan, HR

Terima kasih atas sumbangan biskita!



1. Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Tarikh: Jumaat, 23 April 2021

Jam: 9:00pagi

Tarikh: Ruang Legar, Nex.us

2. UPSKILLING CLASS - ANYAMAN BAKUL

Tarikh: Jumaat, 23 April 2021

Jam: 8:00pagi - 12:00pagi

Tarikh: Training Room, Nex.us

3. Kursus Menghalusi Ibadah Solat Oleh Al-Minhaaj Centre

Tarikh: 26-27 April dan 5-6 Mei

Jam: 8:30pagi - 12:30tengah hari

Tarikh: Training Room 1, Nex.us

4. Ceramah mengenai Bagaimana Menghayati Sepenuhnya Bulan Ramadhan Oleh Ustaz Hj Md Syahiran Hj Md Sofian (KUPUSB)

Tarikh: Jumaat, 7 Mei 2021

Jam: 8:30pagi - 11:00pagi

Tarikh: Ruang Legar, Nex.us